

07/03/1998

Firma rekod nisbah gearan sifar

KONSORTIUM Perkapalan Bhd (KPB), menyatakan cadangan pelupusan aset dan perniagaan perkapalannya kepada Malaysia International Corporation Bhd (MISC) akan mengukuhkan aliran tunai serta struktur modalnya.

Pengerusi Eksekutif KPB, Mirzan Mahathir, berkata dengan pelupusan Pasific Basin Bulk Shipping Ltd (PBBS), Asia LNG Transport Sdn Bhd dan Asia LNG Transport Dua Sdn Bhd, bahagian perniagaan berintensifkan modal, KPB akan merekodkan nisbah gearan sifar.

KPB kini mempunyai nisbah gearan dua kali ganda, berikutan PBBS yang dimilikinya mempunyai hutang berjumlah AS\$200 juta (RM800 juta) manakala operasi LNG merekodkan hutang sebanyak AS\$100 juta (RM400 juta).

"Pelupusan perniagaan berintensifkan modal yang tinggi itu akan membolehkan KPB menumpukan sumbernya ke arah membangunkan rangkaian logistik serantau yang kompetitif," katanya pada sidang media berhubung pelupusan dua perniagaan terbabit kepada MISC di Kuala Lumpur, semalam.

Mirzan berkata, urusan niaga tunai itu juga membolehkan KPB mendapat faedah dengan ketara apabila perkembangan ekonomi rantau ini disambung semula, sekali gus menghasilkan pulangan lebih baik kepada pemegang saham.

Ditanya sama ada pelupusan itu akan menguntungkan pemegang saham minoriti berikutan harga kapal kini semakin rendah berbanding dua tahun lalu ketika KPB mengambil alih Pasific Basin, Mirzan berkata: "Saya mengambil kira kepentingan syarikat secara keseluruhan".

Semalam KPB memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan MISC untuk menjual kepada MISC keseluruhan modal saham terbitan dan membayar syarikat milik penuhnya PBBS.

Mirzan bagaimanapun, tidak menyatakan berapakah nilai janji urusan niaga berkenaan akan dicapai oleh kedua-dua pihak.

KPB juga akan melupuskan kepada MISC, 51 peratus kepentingan ekuiti di dalam Asia LNG Transport Sdn Bhd (ALT) dan Asia LNG Transport Dua Sdn Bhd (ALT2), serta sembilan kapal dengan jumlah gabungan tan 242,642 dwt yang dimiliki oleh syarikat milik penuh KPB, PNSL Bhd.

Mirzan berkata, pelupusan itu bukanlah langkah menyelamatkan KPB yang dikatakan mengalami masalah aliran tunai kerana ia dilakukan pada asas komersil.

"Lagipun kami tidak meminta bantuan MISC untuk menyelamatkan KPB, sebaliknya ia adalah atas dasar persetujuan kedua-dua pihak kerana kami sudah mengurus niaga sekian lama kerana MISC adalah pelanggan terbesar KPB," katanya.

Pembelian yang akan dibayar keseluruhannya dengan tunai itu akan ditentukan daripada penilaian pasaran aset perkapalan yang akan dijual oleh sebuah penilai bebas dilantik bersama oleh MISC dan KPB.

Kedua-dua pihak bercadang melaksanakan penjualan dan pembelian secara pasti pada atau sebelum 20 April 1998, atau pada tarikh lain yang dipersetujui.

Dalam sidang media itu, Mirzan turut mengumumkan penamatan skim penyusunan semula KPB yang antaranya termasuk cadangan pelupusan keseluruhan modal terbitan dan membayar PBBS kepada PNSL Holdings Bhd (dahulu dikenali Diperdana Corporation Bhd) (PHB) pada pertimbangan RM575 juta yang akan diselesaikan menerusi terbitan sejumlah 38.33 juta saham baru PHB pada RM15 sesaham.

Cadangan penyusunan itu juga membabitkan cadangan pelupusan keseluruhan perniagaan PNSL Bhd kepada PHB dan cadangan pengambilalihan Diperdana

Kontena Sdn Bhd daripada PHB.

Mirzan berkata, cadangan penyusunan itu tidak dapat dilaksanakan dalam keadaan sekarang kerana cadangan itu akan menyebabkan kerugian kepada KPB sejumlah RM1.1 bilion berdasarkan keadaan pasaran semasa.

(END)